

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK  
PING  
(STAMPIN)**

**TARIKH : 11.11.2014  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengikut jawapan daripada Dewan Rakyat No.30 pada 13 November 2008 menyatakan peruntukan kajian perolehan AEWACS dalam RMK-9 ialah RM 1 juta, berapakah peruntukan kajian dalam RMK-10 dan keputusan kajian terkini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Rancangan masa panjang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) adalah untuk memperoleh 8 buah pesawat bagi pengoperasian secara menyeluruh dan optimum di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, kerana kekangan kewangan dan mengikut keutamaan TUDM, maka perolehan pesawat berkenaan telah tertangguh.**

**Bagi RMK-10, ianya telah didaftarkan bersama pesawat *Multirole Combat Aircraft (MRCA)* di bawah tajuk program *Battlespace Management* yang melibatkan 2 buah pesawat *Airbone Warning and Control System (AEWACS)* dan 18 buah pesawat MRCA.**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD**  
**KAWASAN : SHAH ALAM**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Hospital Shah Alam akan mula beroperasi pada Oktober tahun ini seperti yang dijanjikan dan sekiranya tidak mengapa.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2014 projek membina Hospital Shah Alam, Selangor telah mencatatkan kemajuan 100% untuk skop yang melibatkan pembinaan struktur fizikal bangunan dan 96% untuk skop komponen peralatan hospital.

Berdasarkan tempoh kontrak semasa, projek ini sepatutnya disiapkan pada 24 September 2014. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Tempoh Masa Lanjutan (EOT) No.2 iaitu sehingga 15 Mac 2015. Ini berikutan terdapat masalah kelewatan yang melibatkan skop pemasangan dan pengujian bagi komponen peralatan hospital. Kelulusan EOT No.2 ini tidak melibatkan sebarang pertambahan kos kepada Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.